

Newspaper

Berita Harian

Date

21 March 2016

Dr M didesak henti ganggu urusan parti

BH-21/3/2016

» Ahli UMNO mampu kendali tanpa perlu campur tangan pihak luar

Oleh Nazura Ngah
nazura_ngah@bh.com.my

▪ Kuala Lumpur

Beberapa ketua cawangan UMNO terus mendesak Tun Dr Mahathir Mohamad supaya berhenti mengganggu urusan dalaman parti kerana tiada sebab bekas Perdana Menteri itu berpura-pura menunjukkan kasih sayang selepas 'bercerai' dengan parti itu.

Ahli UMNO pada semua peringkat mampu mengendalikan urusan parti tanpa campur tangan pihak luar terutama bekas tokoh yang

sanggup bersekongkol dengan musuh parti.

Ketua UMNO Cawangan Padang Lalang, Temerloh, Zainuddin Izharulhaq, berkata jika Dr Mahathir yakin UMNO dan Barisan Nasional (BN) bakal tewas pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) jika Datuk Seri Najib Razak kekal berkuasa, beliau sepatutnya berjuang dalam parti baharu dan bukannya sibuk mencampuri urusan UMNO.

Isu kitar semula

Sambil menyifatkan isu yang dibangkitkan Dr Mahathir sebagai kitar semula, beliau yakin pemimpin itu tidak mempunyai bukti sebaliknya sekadar menabur persepsi jahat bagi meruntuhkan asas perjuangan dan jati diri ahli UMNO.

"Tolong jangan ganggu kami, jangan jadi penyibuk dan jangan jadi nasi tambah, kami pada peringkat cawangan akan menjalankan tanggungjawab sebagai ahli secara

ikhlas dan jujur demi kelangsungan parti.

"Selama 22 tahun, ahli menjadi benteng memperjuangkan agenda politik Dr Mahathir dan menentang DAP, namun hari ini terbukti wajah sebenar pemimpin ini yang sanggup bekerjasama dengan musuh semata-mata untuk kepentingan peribadi dan ke-

“**Tolong jangan ganggu kami, jangan jadi penyibuk dan jangan jadi nasi tambah, kami pada peringkat cawangan akan menjalankan tanggungjawab sebagai ahli**”

Zainuddin Izharulhaq,
Ketua UMNO Cawangan
Padang Lalang, Temerloh

lompok kapitalis yang melingkari politik beliau,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Dalam surat terbuka kepada ahli UMNO cawangan, Dr Mahathir meminta ahli yang sayangkan perjuangan asal parti itu membantunya menyelamatkan parti dan negara selain meminta usul undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri dan usul supaya pemilihan parti tidak ditangguhkan.

Sementara itu, Ketua UMNO Cawangan Kionop, Penampang, Sabah, Mohd Fadzli Abdullah menyifatkan Dr Mahathir sebagai pemimpin diktator demi menjayakan agenda politik peribadi.

"Kalau Dr Mahathir sayangkan UMNO dan negara, beliau tidak akan berhenti menjadi ahli UMNO, sebaliknya beliau berhenti kerana tidak suka dengan Perdana Menteri yang tidak mengikut telunjuknya, malah kemarahan beliau memuncak apabila anaknya gagal mempertahankan jawatan Menteri Besar Kedah

"Oleh itu menjadi tanggungjawab ahli dan pimpinan di semua peringkat supaya terus menyatakan sokongan dan taat setia kepada kepemimpinan Perdana Menteri selaku Presiden UMNO bagi menangkis anasir jahat yang mahu merosakkan dan menjatuhkan parti," katanya.